



1.0 UNDANG – UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Sukan Antara Kolej (SUKOL) Universiti Teknologi MARA.

2.0 PENDAFTARAN PEMAIN/PEMBENTUKAN PASUKAN

- 2.1 Semua pelajar yang berdaftar mengikuti kursus sepenuh masa di Universiti Teknologi MARA semasa pertandingan ini diadakan.
- 2.2 Semua pelajar yang mendaftar dengan Kolej kediaman di UiTM Shah Alam semasa pertandingan diadakan.
- 2.3 Semua peserta dikehendaki membawa kad pelajar semasa perlawanan dijalankan.
- 2.4 Setiap Kolej dibenarkan mendaftar **TIDAK MELEBIHI 50 orang lelaki dan 50 orang wanita** bagi mewakili Kolej masing-masing.

3.0 PAKAIAN

Pakaian sukan yang bersesuaian. Pakaian *running vest* adalah dibenarkan.

4.0 PEMBERIAN MATA BAGI PENYERTAAN LARIAN SAF:

Bil	Mata	Bilangan Peserta
4.1	5	41 – 50
4.2	4	31 – 40
4.3	3	21 – 30
4.4	2	11 – 20
4.5	1	1 – 10

5.0 HAD MASA PEMBERIAN MATA DAN HADIAH INDIVIDU

- 5.1 Hadiah individu tempat Pertama (1) hingga Dua puluh (20)
- 5.2 Pemberian mata:

Bil	Mata	Masa/Tempat	
		Lelaki	Wanita
5.2.1	20	Tempat 1	Tempat 1
5.2.2	18	Tempat 2	Tempat 2
5.2.3	16	Tempat 3	Tempat 3
5.2.4	14	Tempat 4	Tempat 4
5.2.5	10	Tempat 5 – 20	Tempat 5 – 20
5.2.6	5	20 minit ke bawah	30 minit ke bawah
5.2.7	1	40 minit ke bawah	45 minit ke bawah

5.3 Mata hanya akan dikira

5.3.1 Mengikut kad mata yg diberi di penamat dan bersama barangan yang diberi di "check point".

5.3.2 Sekiranya kad atau barang yang ada tidak sama maka tiada mata akan diberi

5.4 Pemberian mata keseluruhan sila rujuk perkara 7.1 di dalam Undang-undang dan Peraturan Am Sukan Antara Kolej (SUKOL).

6.0 PERATURAN PERMAINAN

Mengikut Undang – Undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Antara Kolej (SUKOL) Universiti Teknologi MARA yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

7.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan individu.

8.0 KATEGORI, LALUAN DAN JARAK LALUAN

8.1 Laluan sekitar UiTM (Lelaki / Wanita), Mula dan Tamat di Padang Kawad UiTM.

8.2 Jarak larian 5 km (Lelaki / Wanita).

8.3 Peta dilampirkan.

9.0 LAIN- LAIN SYARAT

9.1 Setiap peserta diwajibkan mengikuti laluan yang ditetapkan oleh pihak penganjur atau dibatalkan penyertaannya.

9.2 Yang tidak menamatkan larian atau menaiki kenderaan akan dibatalkan penyertaannya.

9.3 Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan/kerosakan harta benda, kemalangan sebelum, semasa atau selepas acara larian.

10.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan Am Kejujahan Sukan Antara Kolej (SUKOL) Universiti Teknologi MARA